

**KEDUDUKAN PINGAT**

|              | E  | P  | G  | Jum |
|--------------|----|----|----|-----|
| UiTM         | 36 | 16 | 31 | 83  |
| UPM          | 29 | 15 | 18 | 62  |
| UM           | 10 | 9  | 8  | 27  |
| UTM          | 10 | 6  | 5  | 21  |
| USM          | 8  | 9  | 11 | 28  |
| UTHM         | 6  | 5  | 0  | 11  |
| UKM          | 6  | 3  | 3  | 12  |
| KK Sabah     | 6  | 0  | 1  | 7   |
| UPSI         | 5  | 6  | 5  | 16  |
| UniMAP       | 5  | 0  | 0  | 5   |
| UPNM         | 4  | 4  | 6  | 14  |
| Kolej Taylor | 4  | 4  | 1  | 9   |
| UUM          | 4  | 3  | 4  | 11  |
| Kolej INTI   | 3  | 7  | 0  | 10  |
| KK Kedah     | 3  | 1  | 1  | 5   |
| HELP         | 2  | 10 | 4  | 16  |
| UIAM         | 2  | 6  | 6  | 14  |
| KK Pahang    | 2  | 4  | 4  | 10  |
| SEGI         | 2  | 4  | 2  | 8   |



**SUKIPT**

28 Oktober - 11 November 2012  
www.sukipt.com.my

# Olahraga: UPM beri isyarat bakal dominasi

**Kuala Lumpur:** Universiti Putra Malaysia (UPM) memberi amaran awal dalam saingan olahraga Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang membuka tirai semalam dengan meraih emas pertama menerusi atlit lompat peluru, Adi Aliffuddin Hussin.

Pada aksi yang berlangsung di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN) itu, Adi yang juga atlit kebangsaan melakukan balingan 16.33 meter (m) untuk menewaskan rakan sepasukan, Shahrin Selamat yang cuma mencatatkan lontaran 13.83m manakala Tan Lit Wern dari Polikteknik Melaka, ketiga (12.73m).

"Ini bukan balingan terbaik saya. Pertandingan diadakan pada sebelah pagi dan ini membataskan aksi terbaik saya kerana waktu ini (pagi), fizikal seseorang atlit lompat peluru masih belum bersedia sepenuhnya untuk membuat balingan lebih jauh.

"Namun tetap puas dengan ke-

jayaan pingat emas. Selepas ini, tumpuan saya ialah mencipta sejarah pada Sukan Universiti ASEAN (AUG) di Laos, bulan depan," katanya yang juga pemenang pingat perak di temasya Sukan SEA di Indonesia tahun lalu.

## Dominasi Norliyana, Boon Syian



Dalam acara lompat tinggi wanita, UPM turut mendominasi kedudukan dua terbaik menerusi Norliyana Kamaruddin (**kiri**) yang melepasi ketinggian 1.66m manakala Wong Boon Syian, kedua (1.61m).

Sementara itu, atlit pelapis karate negara, Wong Keng Yinn merangkul dua pingat emas buat Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam acara kata berpasukan dan individu lelaki.

"Kemenangan dua emas hari ini (semalam) cukup bagi saya memasang impian untuk cuba mendapatkan pingat emas pada Sukan Universiti ASEAN nanti," katanya.